

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 38

RUANGAN : SETEMPAT

Sedia khidmat psikiatri

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan untuk rawatan kesihatan mental di 671 klinik kesihatan di seluruh negara.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, selain itu perkhidmatan psikiatri juga disediakan di empat institusi mental dan 48 hospital di bawah kementerian berkenaan.

Kata Hilmi, berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015, prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan orang dewasa berumur 16 tahun ke atas di negara ini 29.2 peratus.

"Bagaimanapun, peratusan itu merujuk kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan bukan penyakit men-

tal," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Menurut Hilmi, KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan turut bekerjasama dalam menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja menerusi program Minda Sihat Sekolah yang sudahpun bermula sejak 2011.

Kata beliau, menerusi program itu 2,343 sekolah menengah di seluruh negara terbabit dalam pelaksanaan saringan minda sihat membabitkan pelajar.

"Impak daripada program itu, modul intervensi serta program pencegahan dihasilkan bagi meningkatkan kemahiran daya tindak pelajar apabila menghadapi sesuatu masalah termasuk kejadian buli," katanya.